



Teks Ucapan

YB Dato' Sri Fadillah bin Hj. Yusof

Menteri Kanan Kerja Raya

**Sempena Majlis Apresiasi Budi dan Bakti
Kementerian Kerja Raya Tahun 2021**

**16 November 2021
(Selasa)**

**Bilik Tanjung, Tingkat 6, Blok A
Kompleks Kerja Raya**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

SALUTASI

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya jua, kita dapat bersama-sama menghadiri Majlis Apresiasi Budi dan Bakti Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2021. Majlis ini diadakan bagi meraikan sumbangan dan bakti tuan-tuan dan puan-puan yang telah dan akan bersara pada tahun 2021, daripada Kementerian Kerja Raya dan Perkhidmatan Awam.

2. Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan rasa gembira dan sukacita di atas kehadiran tuan-puan yang sanggup meluangkan masa untuk bersama-sama pada hari ini, walaupun ada yang datang dari jauh dan mempunyai komitmen masing-masing. Saya juga amat berbangga kerana dapat meluangkan masa meraikan 12 pesara dan bakal pesara termasuk YBhg. Datuk Dr. KSU KKR di majlis ini. Semoga kehadiran kita semua dapat mengeratkan lagi ikatan silaturahim dan ukhuwah sesama kita. Bak kata pepatah, “tempat jatuh lagikan dikenang, inikan pula tempat kita berbakti dan mencari rezeki”.

Hadirin yang dihormati ,

3. Saya dimaklumkan ada di kalangan tuan-puan yang telah berkhidmat lama sehingga hampir 40 tahun dalam perkhidmatan

awam. Dalam tempoh yang panjang ini, di mana kita mengabdikan sebahagian besar usia kepada alam pekerjaan, semestinya tuan-puan telah mengharungi pelbagai pengalaman suka dan duka ketika dalam perkhidmatan. Saya yakin, banyak pengalaman serta pengetahuan yang telah ditimba dan dikecapi selama ini adalah pengalaman yang baik, yang boleh dijadikan panduan dan sempadan dalam kita mengharungi kehidupan seterusnya.

4. Pada tahun ini, kita juga turut berasa dukacita di atas kehilangan 3 sahabat dan rakan sekerja yang meninggal dunia dalam perkhidmatan – Allahyarhamah Salina binti Ahmad, Allahyarham Hashaluddin bin Sutan Ahmad Nawawi dan Allahyarham Zakuan bin Abdullah, serta seorang pegawai yang telah dibersarakan atas sebab kesihatan, Puan Norashinita binti Ahmad. KKR sentiasa prihatin dan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya supaya kebajikan waris dapat dilunaskan dengan segera seperti pembayaran Bantuan Mengurus Jenazah dan pengurusan Faedah Terbitan bersama pihak JPA. Kita mendoakan semoga, Puan Norashinita dikurniakan Allah SWT sebaik-baik kesembuhan. Marilah juga kita bersama-sama sedekahkan bacaan Al-Fatihah untuk rakan sekerja kita yang telah kembali kerahmatullah. Al Fatihah (baca).

Hadirin sekalian,

5. Pada majlis hari ini juga, kita bersama – sama meraikan sumbangan dan bakti Team Surau KKR dan JKR yang telah menubuhkan Pasukan Khidmat Pengurusan Jenazah, bagi

memberikan perkhidmatan percuma kepada waris yang tidak berkemampuan dalam menguruskan jenazah. Skuad ini di bawah penyelarasan YBhg. Dato' Zahrul Hakim juga telah membantu mengkebumikan mangsa Covid -19 mulai 23 Jun 2021 serta turut menyampaikan sumbangan kit PPE kepada Skuad Pengurusan Jenazah Malaysia. Semoga segala sumbangan dan jasa bakti tuan / puan yang terlibat dalam program ini dibalas dengan segala kebaikan oleh Allah SWT.

6. Semangat dan usaha murni ini yang dilaksanakan tanpa mengira masa dan tenaga adalah menepati konsep Keluarga Malaysia yang telah dilancarkan YAB Perdana Menteri. Bagaikan satu keluarga besar, semua rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan kaum bersatu dalam menangani pandemik COVID-19. Di kesempatan ini juga, saya ingin menyeru kepada semua agar kita dapat menghayati konsep Keluarga Malaysia. Bagi mengekalkan kecemerlangan KKR, semua warga kerja yang terdiri daripada pelbagai latar belakang perlu menerima persamaan dan perbezaan berdasarkan nilai-nilai dan ciri-ciri Keluarga Malaysia. Bak kata YAB Perdana Menteri, kita adalah benang-benang yang akan menyempurnakan keindahan selembur kain.

YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang diraikan,

7. Sudah menjadi lumrah kehidupan setiap yang bertemu pasti akan berpisah, setiap yang bermula pasti akan berakhir, begitu juga dalam perkhidmatan awam. Meskipun perpisahan dan persaraan ini

merupakan satu kehilangan kepada Kementerian Kerja Raya, namun ini bukanlah satu noktah. Sebaliknya ia menjadi satu titik permulaan kepada lembaran baharu dalam kitaran hidup seorang insan.

8. Aktiviti selepas persaraan mungkin berbeza bagi setiap individu. Persaraan YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan bagaimanapun tidak bermakna sumbangan terhadap agama, bangsa dan negara telah berakhir. Segala kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang diperoleh semasa berkhidmat dalam perkhidmatan awam boleh menjadi aset untuk terus aktif menyumbang kepada masyarakat melalui kegiatan NGO's, jawatankuasa taman perumahan, masjid atau surau atau lain-lain yang sesuai. Bahkan YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan boleh menjadi Rakan KKR untuk sama-sama membantu menyebarkan maklumat yang tepat mengenai KKR.

9. Persaraan juga memberi ruang dan masa lapang yang boleh digunakan untuk mencuba hobi baharu atau meneruskan minat lama yang terpendam akibat kesibukan bertugas seperti fotografi, melancong atau mungkin mengusahakan tanah pertanian. Walau apapun bidang yang diceburi, suka saya mengingatkan sekali lagi, kesihatan dan keselamatan seharusnya menjadi perkara yang paling dititikberatkan.

10. Akhir kata dari saya, selamat bersara dan selamat maju jaya kepada YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan puan-puan. Semoga kenangan

berkhidmat di KKR kekal menjadi memori terindah kepada YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya doakan agar segala urusan semua dipermudahkan dan diberikan kesihatan yang berpanjangan. Sebagai penutup, serangkap pantun daripada saya:

***Pahat papan serupa dahulu,
Bawah kain daun cermai;
Rehatlah tuan di lembaran baharu,
Ukhuwah terjalin usah terurai.***

Sekian, Terima Kasih.

Wabilahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.